


TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**
**TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN**
**MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN NOVEMBER KKDW 2025**

PADA:
**11 NOVEMBER 2025 (SELASA)**
**8.30 PAGI**

LOKASI:
**DEWAN SERI LESTARI**
**ARAS B1, KKDW**

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

**(SALUTASI)**

**MUKADIMAH**

1. Pejam celik, pejam celik… kita kini menghampiri penutup tahun 2025. Sedar tidak sedar, akhir bulan ini juga menandakan genap tiga tahun Kerajaan MADANI memimpin negara. Dalam tempoh tersebut, kita telah melalui pelbagai cabaran dan ujian, namun dalam masa yang sama menyaksikan begitu banyak kemajuan, pembaharuan, dan pencapaian besar hasil usaha bersama.

2. Alhamdulillah, dalam tempoh tiga tahun ini juga, banyak yang telah kita capai bersama — menggerakkan inisiatif-inisiatif Game Changer yang bukan sahaja gah di atas kertas, tetapi benar-benar menyentuh bumi desa dan kehidupan keluarga desa. Inisiatif seperti **Desa Kirana, TABIKA Tunas Istimewa, Smart Classroom, Projek Tenaga Boleh Baharu, IKONDESA** dan banyak lagi kini bergerak dalam skala yang jauh lebih besar dan lebih tersusun.

3. Saya amat berbangga melihat kesungguhan seluruh warga Kementerian dan agensi yang terus mengejar anjakan dan mencipta naratif baharu dengan memastikan bahawa pembangunan desa bukan hanya menyediakan api, air dan prasarana, tetapi menjadikan desa sebagai **hub perdagangan, pusat keusahawanan, dan penyumbang signifikan kepada KDNK negara.**

4. Baru-baru ini, saya juga telah mengadakan sesi libat urus bersama MARA, JAKOA dan KEJORA yang bakal memperlihatkan satu lagi anjakan besar. Saya yakin usaha ini akan disusuli oleh lebih banyak agensi di bawah KKDW yang sama-sama mahu mencipta pembaharuan demi manfaat rakyat.

5. Kalau ingat kembali awal tahun lalu, saya menegaskan pentingnya KKDW membina kerjasama strategik yang lebih kukuh melalui pendekatan ***cross-functional.*** Alhamdulillah, hari ini ia bukan lagi hanya perancangan di atas meja tetapi telah dizahirkan dalam bentuk pelaksanaan yang nyata. Kejayaan penganjuran **Karnival Usahawan Desa di Mega Karnival 3 Dimensi** menjadi bukti bahawa apabila kita bergerak bersama, kita mampu menghasilkan impak yang lebih besar, lebih kreatif, dan lebih bermakna.

6. Lebih membanggakan, kita baru sahaja menyaksikan kejayaan besar **MIHAS@Shanghai yang berjaya mengangkat produk tempatan termasuk produk desa** dengan jumlah transaksi keseluruhan melebihi sasaran **RM3 bilion pada hari kelima, 9 November 2025.** Ini bukti jelas bahawa produk desa bukan lagi pemain pinggiran, tetapi mampu menembusi pasaran antarabangsa dan bersaing di liga global.

7. ***But this is not the end.*** Kita masih mempunyai sebulan terakhir sebelum tirai 2025 dilabuhkan. Inilah masa terbaik untuk kita memperkemas, memperkukuh dan menggandakan usaha agar kita menutup tahun ini dengan kecemerlangan, serta memasuki tahun baharu dengan keyakinan lebih tinggi dan keupayaan untuk mencipta kejayaan yang lebih besar.

**PENCAPAIAN KKDW & ASPIRASI PASCA-BELANJAWAN2026**

Hadirin sekalian,

8. *When we look back to what we outlined, I have always reminded everyone* that *mendapatkan kejayaan itu sukar, tetapi mempertahankannya jauh lebih sukar. What we have*

*achieved today is only the base — a foundation for us to move forward and do even better.*

9. Hari ini, setelah melalui fasa belanjawan yang kritikal serta perancangan semula yang intensif, asas yang kita bina bukan sahaja semakin kukuh — malah kini lebih jelas, lebih mantap dan lebih terarah.

10. Belanjawan 2026 memperlihatkan keyakinan besar Kerajaan kepada kita. Sebanyak **RM12.4 bilion** telah diperuntukkan kepada KKDW — peningkatan **RM440 juta** atau **3.69 peratus** berbanding tahun sebelumnya. Angka ini bukan sekadar penambahan dana; ia merupakan simbol bahawa **pembangunan luar bandar kini diiktiraf sebagai tunjang kekuatan negara.**

11. Namun saya ingin tegaskan — peningkatan ini bukan sekadar berita menggembirakan tetapi datang dengan **tanggungjawab dan amanah yang besar.** Ini adalah pengiktirafan terhadap prestasi konsisten KKDW yang terus membuktikan hasil nyata di lapangan. Maka amanah ini mesti kita galas dengan komitmen yang lebih jitu, tindakan yang lebih pantas, dan impak yang lebih besar kepada rakyat.

12. Saya percaya, melalui sesi libat urus yang kita jalankan, mereka dapat melihat keberhasilan gerak kerja kita. Mereka lihat **KEMAS** kini tampil dengan pelbagai inisiatif baharu seperti **TABIKA Tunas Istimewa** dan **Smart Classroom. RISDA** dan **FELCRA** kembali mencatat keuntungan kukuh, manakala **MARA** meneruskan agenda pemodenan **518 premis keusahawanan**, membuka laluan kepada lebih **7,000 usahawan baharu** dengan impak hampir **15,000 peluang pekerjaan.**

13. Dari sisi penganjuran program pula, mereka melihat bahawa KKDW bukan sekadar membelanjakan peruntukan — tetapi turut **menjana pulangan.** Lihat sahaja **Festival Kenyir Geopark, MARA Automotive Ecosystem (MATEC)** dan **Expo PERDA** — semuanya mencatat keuntungan melebihi sasaran yang ditetapkan. Ini jelas membuktikan bahawa pendekatan baharu KKDW bukan sahaja berimpak sosial, tetapi turut memberi nilai tambah kepada ekonomi setempat.

14. Insya-Allah, jika kita bergerak seiring, berdisiplin dan berfikir jauh ke hadapan, saya yakin KKDW akan melangkah masuk ke tahun 2026 sebagai **kementerian yang lebih efisien, responsif, diyakini rakyat, dan sentiasa di hati desa.**

**INOVASI SEBAGAI NADI TRANSFORMASI DESA**

Hadirin sekalian,

15. Hari Inovasi KKDW ini saya tidak mahu kita melihatnya sebagai acara tahunan semata-mata. Ia mesti membawa dengan nilai bahawa masa depan desa hanya dapat dijamin jika kita berani berinovas bukan hanya mencipta produk baharu, tetapi memperbaharui cara berfikir, cara bekerja dan cara menyelesaikan masalah rakyat. Inovasi bukan untuk cantik di atas kertas, tetapi mesti hidup di lapangan.

16. Desa perlu dilihat sebagai medan potensi besar. Inovasi harus bermula daripada realiti setempat: bagaimana dron memetakan sawah padi; bagaimana analitik data meramal cuaca dan harga komoditi; bagaimana platform e-dagang menghubungkan usahawan desa ke pasaran global; atau bagaimana tenaga boleh baharu menerangi kampung terpencil pada kos rendah. **Semua ini sedang berlaku dan tugas kita ialah mempercepatkan pelaksanaannya agar manfaatnya dapat dinikmati secara menyeluruh.**

17. Baru-baru ini juga saya ada terbaca tentang kisah bekas jurutera pesawat bersama rakannya yang menghabiskan masa lapan bulan untuk menukar minyak masak terpakai menjadi bahan bakar penerbangan lestari, dan kini menerima tempahan dari luar negara.

18. Kisah ini membuktikan bahawa inovasi tidak mengenal lokasi, tidak mengenal kekangan; apa yang penting adalah keberanian, kreativiti dan tekad. Inilah contoh terbaik bagaimana anak tempatan mampu melangkaui batas desa, mencipta teknologi masa depan, dan mengangkat nama Malaysia di pentas dunia.

19. Sebab itu saya mahu setiap agensi di bawah KKDW **berani mencuba, berani bereksperimen, dan berani memecah tradisi.** Jangan tunggu SOP baharu untuk mencipta — cipta dahulu, SOP akan menyusul. Kita tidak boleh terikat dengan mentaliti cukup makan atau *business as usual*. Kita mesti menjadi pencetus, bukan pengikut semata-mata.

20. Jika tahun ini kita berjaya mencipta solusi, tahun depan ia mesti dilaksanakan secara meluas. Jika tahun ini kita menang anugerah, tahun depan rakyat mesti menang manfaatnya. Inovasi mesti bergerak daripada idea kepada pelaksanaan, daripada pelaksanaan kepada pengembangan, dan akhirnya kepada pengkomersialan yang membawa nilai semula kepada komuniti.

**PENUTUP: HARAPAN DESA TERUS MENYALA**

**Hadirin sekalian,**

21. Saat kita melangkah keluar dari dewan ini, ingatlah bahawa pembangunan desa bukan sekadar rutin pentadbiran tetapi ia amanah. Setiap keputusan yang kita buat memberi kesan kepada keluarga di kampung yang meletakkan harapan pada usaha kita.

22. Saya percaya dan sendiri melihat bahawa sepanjang 2025, kita bukan sahaja melaksanakan program kita telah membuka peluang, menambah keyakinan dan melihat perubahan yang semakin jelas di desa. Apa yang kita rancang bukan lagi retorik, tetapi mula membentuk realiti kehidupan rakyat.

23. Pertengahan Januari nanti, kita akan berhimpun di permukiman untuk memasuki tahun keempat Kerajaan MADANI. Di sana nanti, saya mahu game changer yang lebih berani, tepat sasaran dan benar-benar berteraskan rakyat; *I want people not only to feel it, but people must know it.*

24. Jika kita kekal bersatu, berdisiplin dan berfikir jauh ke hadapan, saya yakin kita bukan sahaja menutup tirai 2025

dengan cemerlang, tetapi membuka 2026 dengan lebih yakin dan berwibawa.

25. Berusahalah agar KKDW terus dikenang sebagai kementerian yang dekat di hati rakyat — membawa sinar harapan dan maruah kepada setiap komuniti desa.

Sekian, terima kasih.